

Konsep baharu perpustakaan: bersediakah kita?



Apa yang terlintas di fikiran apabila menyebut perpustakaan? Rata-rata beranggapan tempat senyap sunyi dan dipenuhi dengan buku-buku di rak. Sebenarnya, sejak penubuhan Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM), perpustakaan pada masa itu telah mengamalkan konsep perpustakaan sebagai ruang perbincangan. Namun dihadkan di beberapa ruangan tertentu sahaja.

Di bangunan baharu perpustakaan dua tingkat, konsep ini masih lagi diamalkan di mana aras bawah untuk ruang perbincangan, manakala aras atas adalah ruang senyap. Hakikatnya, sejauh manakah disadari oleh para pengguna?

Menurut beberapa orang staf UMP, mereka inginkan perpustakaan meriah seperti pusat membeli belah. Pengguna akan berasa selesa dan minat untuk menghabiskan masa terluang di perpustakaan. Apatah lagi jika dibenarkan makan dan minum di ruangan

tertentu. Bersediakan kita sebagai staf dan juga pengguna membawa perubahan dalam persekitaran perpustakaan?

Apabila berbual dengan pengguna, mereka inginkan perpustakaan yang boleh makan dan minum di dalamnya, ruang berbincang tidak dihadkan senyap, hiasan serta fungsi yang lebih mesra agar pengguna berasa seperti di rumah. Di samping itu, kebebasan berpakaian santai seperti mereka ke pusat membeli belah. Rasionalnya untuk keselesaan pengguna dan mereka bebas untuk mengulang kaji tanpa mengira waktu.

Ada yang menggambarkan agar perpustakaan seperti pusat membeli-belah untuk mereka meluaskan masa lapang. Persoalannya, bersediakan kita menerima perubahan ini di mana berbincang tanpa kawalan suara; adakah ini tidak mengganggu pengguna lain untuk mengulang kaji?

Beberapa perkara perlu dilihat sebelum membuat perubahan:

- Kebenaran membawa masuk makanan akan menyebabkan ruang perpustakaan berbau dengan pelbagai perencah. Inibukansahajati tidak menyenangkan pengguna lain tetapi menyebabkan bahan perpustakaan terutamanya CD berada di dalam keadaan lembab dan cepat rosak.

- Etika berpakaian di perpustakaan mengikut etika pemakaian universiti, perpustakaan sekadar menguatkuasakan peraturan universiti.

- Ruang yang bebas berbincang tanpa kawalan suara. Implikasinya di manakah pelajar boleh belajar secara senyap kerana tidak semua pengguna selesa dengan suasana yang bising.

Memetik kata-kata Mike Clarke yang juga merupakan Ketua Pustakawan, sesetengah perubahan perlu berdasarkan model runcit di mana menggalakkan pengguna berada dalam waktu yang lama di perpustakaan.

